Draf RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN - BATU PAHAT (PENGGANTIAN) 2030

PLANMalaysia@Johor

KEPERLUAN PENYEDIAAN

Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030 disediakan selaras dengan peruntukkan subseksyen 12, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172).

DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN- BATU PAHAT (Penggantian) 2030

Merupakan **satu dokumen rasmi** yang mengemukakan cadangan-cadangan pembangunan dan menyediakan mekanisme kawalan pembangunan bagi membantu proses pembangunan di Daerah Batu Pahat dan Pontian pada masa hadapan. Rancangan Tempatan ini akan menjadi dokumen dalam **memandu dan merancang pembangunan Daerah Batu Pahat dan Pontian sehingga tahun 2030** selaras dengan senario dan tren pembangunan Daerah Batu Pahat dan Pontian.

MATLAMAT PEMBANGUNAN DAERAH BATU PAHAT

"Meransang Pertumbuhan Ekonomi Daerah Batu Pahat Berteraskan Perindustrian, Pertanian Dan Pelancongan Yang Berdaya Maju Dan Berdaya Tahan Ke Arah Pembangunan Daerah Sejahtera Dan Mampan"

MATLAMAT PEMBANGUNAN DAERAH PONTIAN

"Mengembangkan Aktiviti Ekonomi Daerah Pontian Berteraskan Pelancongan, Pertanian Dan Perindustrian Ke Arah Daerah Yang Berdaya Maju, Sejahtera Dan Mampan"

TERAS PEMBANGUNAN

1 PERANCANGAN GUNA TANAH YANG OPTIMUM DAN HOLISTIK

- Mengintegrasikan Cadangan Pembangunan Guna Tanah dengan Infrastruktur Yang Bersepadu.
- Memelihara dan Mengekalkan Kawasan Sensitif Alam Sekitar.
- Menjalankan Pembangunan di dalam Had Pembangunan yang Dibenarkan.

2 PERTUMBUHAN EKONOMI YANG BERDAYA MAJU DAN BERDAYA TAHAN

Meningkatkan Daya Saing Sektor Pertanian Dengan Galakan Penyertaan Sektor Swasta dan Memodenkan Sektor Pengeluaran Makanan bagi Mengurangkan Pergantungan Import.

- Memperkukuhkan Fungsi Perniagaan Sedia Ada.
- Mengklusterkan atau Mengezonkan Kawasan Perindustrian.
- Peningkatan Imej Kawasan Industri Sedia Ada.
- Pelaksanaan Modul-modul menggunakan Hub Sokongan Pendidikan.
- Membangunkan Setiap Kawasan Tumpuan Pelancongan.
- Mewujudkan Pakej Pelancongan Bersepadu *"Tourist Trail"*.
- Memperkukuhkan Kemudahan Sokongan Pelancongan.

3 PENINGKATAN TARAF DAN KUALITI HIDUP

- Menawarkan Perumahan yang Mencukupi, Berkualiti dan Mampu Milik.
- Menyediakan Zon Perumahan selaras dengan Tekanan Pembangunan Masa Kini dan Masa Hadapan.
- Transformasi Kawasan Perumahan dalam Bandar dan Melaksanakan Program Pembasmian Setinggan.
- Menyediakan Kemudahan Masyarakat yang Mencukupi dan Terancang.
- Meningkatkan Kualiti Keselamatan terhadap Pengguna Kemudahan Masyarakat.
- Menggalakkan Penyediaan Kemudahan Masyarakat secara Berintegrasi dengan Kegunaan Bangunan lain.
- Memperkukuhkan Ekonomi Desa.
- Mewujudkan Petempatan Desa yang Kondusif serta Komuniti yang Sejahtera.
- Menyediakan Ruang Awam yang Selesa dan Selamat serta Penyelenggaraan secara Komprehensif.
- Mewujudkan dan Memperkukuhkan Imej Pusat Bandar yang lebih Jelas dan Beridentiti Berdasarkan Fungsi dan Hierarki.

4 SISTEM RANGKAIAN PERHUBUNGAN DAN INFRASTRUKTUR YANG KOMPREHENSIF

- Membangunkan Sistem Pengangkutan Awam yang Komprehensif dan Bersepadu.
- Menambah baik Rangkaian Perhubungan Jalan Darat yang Menyeluruh.
- Menyediakan Sistem Pengangkutan Logistik yang Kompetitif dan Cekap.

5 PENGURUSAN SUMBERJAYA SEMULAJADI SECARA MAMPAN

- Mengekalkan, Memelihara dan Menguruskan Kawasan-kawasan Sumberjaya Alam Sekitar dan Kawasan yang Berkepentingan Tinggi terhadap Daerah mahupun Negeri serta Mengawal Pembangunan di Kawasan yang dikenalpasti.

6 SISTEM TADBIR URUS YANG CEKAP

- Memperkasa Organisasi Pihak Berkuasa Tempatan.
- Meningkatkan Hasil Pendapatan dan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Program
Publisiti & Penyertaan Awam

22 OKTOBER – 21 NOVEMBER 2017

LOKASI & TARIKH PUBLISITI

MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT
22 OKTOBER – 21 NOVEMBER 2017

MAJLIS DAERAH YONG PENG
22 OKTOBER – 21 NOVEMBER 2017

MAJLIS DAERAH PONTIAN
22 OKTOBER – 21 NOVEMBER 2017

PLANMalaysia @ Johor
22 OKTOBER – 21 NOVEMBER 2017

BAGAIMANA ANDA BOLEH MENYEMAK LAPORAN :

Baca dan periksa kandungan laporan Draf Akhir Rancangan Tempatan Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030 yang boleh didapati di tempat-tempat pemeriksaan laporan yang telah ditetapkan :

- **Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)**
- **Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)**
- **Majlis Daerah Pontian (MDP)**
- **PLANMalaysia @ Johor**

Semak cadangan projek-projek pembangunan yang dikemukakan di dalam setiap kawasan kejiranan terutamanya kawasan kediaman anda atau yang mempunyai kepentingan dengan anda.

Semak garis panduan pembangunan am dan khusus bagi setiap komponen atau pengezonan cadangan yang dicadangkan. Sekiranya ada mempunyai sebarang ulasan, pandangan mahu pun bantahan terhadap kandungan laporan tersebut, sila dapatkan borang bantahan dan representasi yang disediakan dan kemukakan kembali kepada alamat tertera di bawah.

Bantahan atau representasi berkenaan dengan rancangan itu boleh dibuat melalui borang bantahan awam yang disediakan atau surat memorandum selewat-lewatnya pada **21 NOVEMBER 2017**

Semua borang bantahan awam dan surat memorandum boleh di hantar/ faks/ email kepada:-

1. **Yang DiPertua**
   Majlis Perbandaran Batu Pahat
   Jalan Pejabat,
   83000 Batu Pahat, Johor.
   Tel : 07-4315137 **Faks**: 07-4315221
   Email : perancang@mpbp.gov.my

2. **Yang DiPertua**
   Majlis Daerah Yong Peng
   KM 1, Jalan Labis
   83700 Yong Peng, Johor.
   Tel : 07-4671276 **Faks :** 07-4671712
   Email : mdyp@johor.gov.my

3. **Yang DiPertua**
   Majlis Daerah Pontian
   Jalan Alsagoff
   82000 Pontian, Johor.
   Tel : 07-6871442 **Faks :** 07-6873131
   Email : info@mdpontian.gov.my

Draf laporan, borang dan keterangan lanjut mengenai **Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030** ini juga boleh diperolehi di laman web **www.townplan.gov.my**

Bantahan dan representasi hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan cadangan dan garis panduan Laporan Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian-Batu Pahat (Penggantian) 2030.

Program
Publisiti & Penyertaan Awam

Draf

RANCANGAN TEMPATAN
DAERAH PONTIAN – BATU PAHAT
(PENGGANTIAN) 2030

ORANG AWAM DIJEMPUT MENYERTAI PROGRAM INI